

15 MAR 1998

AMANAT PERDANA MENTERI BAGI SUKARELAWAN SUKAN KOMANWEL

BANGI, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan menyampaikan amanat kepada sukarelawan Sukan Komanwel 98 pada satu perhimpunan di Stadium Bola Sepak Cheras pada 26 April depan bagi menyemarakkan semangat mereka.

Pengarah Komunikasi Sukom Ninety Eight Bhd Tengku Madziah Mokhtar hari ini berkata seramai 20,000 sukarelawan dijangka berhimpun pada hari tersebut.

"Adalah dijangka semua anggota sukarelawan dari seluruh negara akan berhimpun pada hari tersebut bagi mendengar amanat dari Perdana Menteri," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyampaikan sijil kepada seramai 200 sukarelawan yang mengikuti kursus latihan selama dua hari di Pusat Kembangan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tengku Madziah berkata sejak 15 Mac tahun lepas, Sukom telah melatih seramai 15,000 sukarelawan untuk bertugas pada temasya Sukan Komanwel yang akan berlangsung dari 11 hingga 21 September depan. -- BERNAMA

MS YBY